

Elak banjir berulang di kawasan perumahan

Baiki segera pam air

>>Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kerja membaiki pulih pam air di Rumah Pam Banjir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kampung Pasir Baru, Pantai Dalam akan dipercepatkan bagi mengelak banjir di perumahan sekitarnya berulang, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) selaku badan bertanggungjawab akan melakukan baik pulih di ketiga-tiga pam menggunakan sistem kawalan injap automatik secepat mungkin yang dipercayai menjadi punca air melimpah hingga mengakibatkan 15 keluarga di kampung itu terjejas.

"Saya difahamkan satu da-



PRIHATIN
...Raja Nong Chik (dua dari kanan) meninjau Rumah Pam Banjir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kampung Pasir Baru.

mengawal kemasukan air ke rumah pam secara automatik apabila melebihi paras ditetapkan.

Sementara itu, mangsa yang ditemui bersyukur kerana mendapat perhatian pemimpin dan berharap pam berkenaan segera dibaiki memandangkan ketika ini musim hujan.

Sahilawati Omar, 36, berkata, kejadian banjir itu kali kedua selepas 16 tahun kampung didiami mereka tidak mengalami bencana seteruk itu menyebabkan dia kerugian RM3,000.

Katanya, dalam kejadian jam 11 malam kelmarin, dia sedang tidur sebelum dikejutkan ibunya memberitahu air memenuhi dapur.

"Saya dan anak-anak segera mengalihkan barangan penting, namun hampa kerana air naik mendadak," katanya.

ripada kawalan injap berkenaan rosak menyebabkan air dari sungai berdekatan memasuki pam sebelum melimpah ke kawasan perumahan penduduk.

"Kita akan pastikan kerja ini berjalan lancar bagi me-

ngelakkan kejadian sama berulang," katanya ketika melawat pam berkenaan, selain mendengar masalah mangsa yang terdabit dalam kejadian itu kelmarin.

Hadir sama, Pengarah JPS Wilayah Persekutuan, Abu

Bakar Mohd Yusof dan Pengarah Jabatan Kerja Awam dan Saliran DBKL, Tan Keng Chok.

Abu Bakar berkata, sebanyak RM400,000 diperlukan untuk membaiki pulih kawalan injap itu yang berfungsi